# iTEKAD MAWADDAH (iTEKAD)

## FREQUENTLY ASKED QUESTIONS (FAQ)

### 1. What is iTEKAD?

iTEKAD Mawaddah (iTEKAD) is developed by Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) with a combination of social finance instrument (Zakat fund) and investment fund, intended as a financial assistance to help those who are eligible to apply.

This is a Shariah compliant restricted investment account product that is based on the concept of two tier *Mudarabah*, a contract between the capital provider *(rabbul mal)* and the entrepreneur *(mudarib).*

iTEKAD is a social finance and investment initiative program which offers unique benefits in addressing the financial needs of undeserved communities specifically for entrepreneurs from B40 under *Asnaf fisabilillah* category and *Asnaf* who are affected by the COVID-19 pandemic. *Asnaf* (the poor) is someone who does not have a property or sufficient revenues to meet basic needs such as the need of food, clothing and shelter.

### 2. What are the objectives of iTEKAD?

The iTEKAD aims to assist micro-entrepreneurs, especially among the B40 under *Asnaf fisabilillah* category and *Asnaf* who are affected by COVID-19, in rising and rebuilding their enterprises well as supporting the efforts of the Malaysian government and Bank Negara Malaysia to assist viable B40 under *Asnaf fisabilillah* category and *Asnaf* entrepreneurs.

### 3. How does iTEKAD work?

The iTEKAD funds invested by the customer (investor) will be invested into business venture carried out by *Asnaf* and B40 under *Asnaf fisabilillah* category nationwide (to be referred as Entrepreneur (*mudarib*).

Business ventures identified for iTEKAD are from the segment of food & beverages, agriculture and gig economy. Meanwhile, the fund will be used for the purpose of working capital.

The qualified entrepreneurs will be recommended by Training Consultants namely People Systems Consultancy (PSC) and Serunai Commerce Sdn Bhd (Serunai) and selected by Zakat Committee of Bank Muamalat based on specified criteria. The selected entrepreneur will undergo a Business Development Training Program provided by Training Consultants using Zakat fund. It will help the entrepreneur in upskilling and impact-based monitoring to further increase the likelihood of success in their business ventures and greater financial resilience over the longer term.

The business training will be conducted concurrently with provision of initial business capital to the selected entrepreneur from the investment/*Mudarabah* fund.

**4. What is the Shariah concept used in iTEKAD?**

iTEKAD is based on Shariah concept of two tier *Mudarabah,* between the capital provider *(rabbul mal)* and the entrepreneur *(mudarib)* whereby the *rabbul mal* provides capital to be managed by the *mudarib.*

Any investment profits generated from the capital will be shared between the *rabbul mal* and the *mudarib* according to a mutually agreed Profit-Sharing Ratio (PSR) in the agreement. In the event of loss, the loss will be borne by the *rabbul mal* provided that the loss is not due to misconduct *mudarib* (*ta'addi*), negligence (*taqsir*) or violation of certain terms (*mukhalafah al-shurut*).

The first tier *Mudarabah* is between Investor (*Rabbul Mal*) and Bank (*Mudarib*). The *Mudarabah* fund is then invested to Bank with pre-agreed profit-shared ratio (PSR) at 95:5. The second tier *Mudarabah* is between Bank (*rabbul mal*) and Entrepreneur (*Mudarib*). The *Mudarabah* fund is then invested to entrepreneur with pre-agreed profit-sharing ratio (PSR) at 70:30.

5. **Who are eligible to invest in iTEKAD?**

a) Individual

- Open to Malaysian citizens who have attained the age of 18 years and above.

b) Non-Individual

- Clubs
- Association
- Organization
- Institutions other than firms, corporations and other business enterprises
- Small and medium enterprises
- Corporate wholesale
- Corporate and commercial customers.

Note: The above criteria are subject to the Bank's policy from time to time.

6. **What is the minimum/maximum investment amount?**

Minimum: RM 100

Maximum: Unlimited (based on the fund size of each campaign)

7. **What are the documents required?**

- Application form
- Product Disclosure Sheet (PDS)
- Terms & Conditions (T&C)
- Suitability Assessment Form (SAF)
- *Mudarabah* Appointment Letter
- Authorization Letter
- Other relevant documents as specified in the Bank's policy.

8. **How to apply for iTEKAD?**

- Walk in to any BMMB's branch.
- Application through BMMB's website via www.muamalat.com.my

9. **What are the target economic sectors for iTEKAD?**

- Economic Gig*

- Foods and Beverages (F&B)
- Agriculture

*Note: Gig economy refers to a general workforce environment or "on-demand platform" where contract workers are hired for temporary or project-based jobs, instead of hiring them for permanent positions.

**10. How long is the investment tenure for iTEKAD?**

The investment tenure for iTEKAD is between 1 to 5 years.

**11. When will the investors and entrepreneur receive the profit?**

The profit (if any) will be paid upon maturity of the investment.

**12. What is the difference between iTEKAD and microfinancing product offered by other Banks?**

iTEKAD is a combination of investment and social finance to help B40 under *Asnaf fisabilillah* category and *Asnaf* entrepreneurs. Meanwhile, microfinancing product offered by other Banks is a financing assistance to micro-entrepreneurs.

**13. What are the fees and charges for iTEKAD?**

There is no fees and charges imposed for iTEKAD.

**14. What is the Profit-Sharing Ratio (PSR) for iTEKAD?**

Profit Sharing Ratio:

First Tier: PSR Bank vs Investor

| Bank (%) | Investor (%) |
|---|---|
| 5 | 95 |

Second Tier: PSR Entrepreneur vs Bank

| Entrepreneur (%) | Bank (%) |
|---|---|
| 70 | 30 |

15. **How is the investment payment method made?**

The investment payment method for iTEKAD is by debiting the Investor's Current and/or Savings account (CASA).

16. **What is the possible return for iTEKAD?**

    i. Investors may gain profit from the positive performance of an entrepreneur's business based on a predetermined economic sector.

    ii. The investor may lose any part or all of his/her investment in the event of the failure of the venture to perform as expected.

17. **Is the invested amount allowed to be withdrawn/cancelled during cooling-off period?**

Yes, the investor is allowed to withdraw/cancel the invested amount during cooling-off period and it can be done at any BMMB's branches.

18. **Is an early withdrawal allowed?**

No. Early withdrawal is not allowed. Investors may only withdraw the iTEKAD on the maturity date.

19. **Is this product covered by PIDM?**

No. This product is not covered by PIDM.

20. **Where can I get more information about iTEKAD?**

Should you need additional information about this product, please refer to the product brochure which is available at all our branches or email us at itekadgroup@muamalat.com.my. For more information on other products, please visit our website at www.muamalat.com.my.

## iTEKAD MAWADDAH (iTEKAD)

## SOALAN-SOALAN LAZIM

**1. Apakah itu iTEKAD?**

iTEKAD Mawaddah (iTEKAD) ialah sebuah produk yang dibangunkan oleh Bank Muamalat Malaysia Berhad dengan gabungan instrumen kewangan sosial (zakat) dan dana pelaburan, yang bertujuan sebagai bantuan kewangan untuk membantu golongan yang layak memohon.

Produk ini merupakan sebuah akaun pelaburan terhad patuh Syariah yang berteraskan konsep dua peringkat *Mudarabah*, iaitu kontrak antara pembekal modal (*rabbul mal*) dan usahawan (*mudarib*).

iTEKAD ialah program inisiatif kewangan sosial serta pelaburan yang menawarkan manfaat unik dalam menangani keperluan kewangan masyarakat yang khusus bagi usahawan B40 di bawah kategori *Asnaf fisabilillah* dan *Asnaf* yang terkesan akibat pandemik COVID-19. *Asnaf* (fakir & miskin) adalah seseorang yang tidak mempunyai harta atau pendapatan yang mencukupi untuk memenuhi keperluan asas diri dan tanggungan mereka untuk menampung keperluan makanan, pakaian dan tempat tinggal.

**2. Apakah objektif iTEKAD?**

iTEKAD bertujuan membantu usahawan mikro, terutama dari golongan B40 di bawah kategori *Asnaf fisabilillah* dan *Asnaf* yang terkesan akibat COVID-19, dalam meningkatkan dan membina semula perusahaan mereka serta menyokong usaha kerajaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia untuk membantu usahawan B40 di bawah kategori *Asnaf fisabilillah* dan usahawan *Asnaf*.

**3. Bagaimanakah iTEKAD berfungsi?**

Dana iTEKAD yang dilaburkan oleh pelanggan (pelabur) akan dilaburkan ke dalam usaha niaga yang dijalankan oleh *Asnaf* dan B40 di bawah kategori *Asnaf fisabilillah* di

seluruh negara (juga dirujuk sebagai Usahawan (*mudarib*). Usaha niaga yang terlibat dalam iTEKAD adalah daripada segmen makanan & minuman, pertanian dan ekonomi gig. Sementara itu, dana ini akan digunakan untuk tujuan modal kerja.

Manakala usahawan yang berkelayakan akan dicadangkan oleh Perunding Latihan iaitu People Systems Consultancy (PSC) dan Serunai Commerce Sdn Bhd (Serunai) dan dipilih oleh Ahli Jawatankuasa Zakat Bank Muamalat untuk menjalani Program Latihan Pembangunan Perniagaan menggunakan dana zakat. Ia membantu usahawan dalam meningkatkan kemahiran, program mentor dan pemantauan berasaskan impak pencapaian yang bakal meningkatkan lagi kebarangkalian kejayaan dalam usaha niaga mereka dan daya tahan kewangan yang lebih besar untuk jangka masa panjang.

Program Latihan Pembangunan Perniagaan akan dijalankan secara serentak dengan penyediaan modal perniagaan permulaan kepada usahawan yang berkelayakan iaitu daripada dana pelaburan yang dikumpulkan.

**4. Apakah kontrak Syariah yang digunakan dalam iTEKAD?**

iTEKAD adalah produk akaun pelaburan terhad yang berdasarkan kepada konsep syariah *Mudarabah*, yang menerapkan kontrak *Mudarabah* dua peringkat antara pembekal modal (*rabbul mal*) dan usahawan (*mudarib*) di mana *rabbul mal* menyediakan modal untuk diuruskan oleh mudarib. Sebarang keuntungan pelaburan yang dihasilkan dari modal akan dibahagikan di antara *rabbul mal* dan mudarib mengikut perjanjian yang dipersetujui bersama dalam Nisbah Perkongsian Keuntungan (NPK). Sekiranya berlaku kerugian pelaburan, kerugian tersebut akan ditanggung oleh *rabbul mal* dengan syarat kerugian bukan disebabkan oleh salah laku (*ta'addi*), kelalaian (*taqsir*) atau pelanggaran syarat-syarat tertentu (*mukhalafah al-shurut*) oleh mudarib.

**5. Siapakah yang layak melabur untuk di dalam iTEKAD ?**

a) Individu
   - Terbuka kepada rakyat Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas.

b) Bukan Individu

- Kelab
- Persatuan
- Pertubuhan
- Institusi selain daripada firma, perbadanan dan perusahaan perniagaan lain
- Perusahaan kecil dan sederhana
- Perusahaan Borong korporat
- Pelanggan korporat dan komersial.

Nota: Kriteria di atas adalah tertakluk kepada polisi Bank dari semasa ke semasa.

**6. Berapakah jumlah minimum pelaburan?**

Minimum: RM100

Maksimum: Tiada had (berdasarkan saiz dana setiap kempen)

**7. Dokumen yang diperlukan untuk memohon iTEKAD?**

- Borang Permohonan
- Risalah Pendedahan Produk (RPP)
- Terma dan Syarat (T&S)
- Borang Penilaian Kesesuaian (BPK)
- Surat Pelantikan *Mudarabah*
- Surat Kebenaran
- Dokumen lain yang berkaitan seperti yang dinyatakan dalam polisi bank

**8. Bagaimanakah cara untuk memohon iTEKAD?**

- Berkunjung ke cawangan BMMB yang terdekat
- Memohon melalui laman web BMMB di www.muamalat.com.my

**9. Apakah sektor ekonomi sasaran bagi iTEKAD?**

- Ekonomi Gig*
- Makanan dan Minuman
- Pertanian

*Nota: Ekonomi Gig merujuk kepada persekitaran tenaga kerja umum atau "platform atas permintaan" di mana pekerja kontrak diupah untuk pekerjaan sementara atau berasaskan projek, dan tidak mempunyai jawatan tetap.

**10. Berapa lamakah tempoh pelaburan iTEKAD?**

Tempoh pelaburan iTEKAD di antara 1 sehingga 5 tahun.

**11. Bilakah pelabur dan usahawan akan memperolehi keuntungan?**

Keuntungan (jika ada) akan dibayar setelah pelaburan matang.

**12. Apakah perbezaan di antara iTEKAD dengan Pembiayaan Mikro yang ditawarkan oleh bank-bank Lain?**

iTEKAD ini merupakan gabungan instrumen antara kewangan sosial dan pelaburan untuk membantu usahawan B40 di bawah kategori *Asnaf fisabilillah* dan usahawan *Asnaf*. Manakala, Pembiayaan Mikro yang ditawarkan oleh bank-bank lain merupakan satu bantuan pembiayaan kepada usahawan mikro.

**13. Apakah yuran dan caj untuk iTEKAD?**

Tiada yuran dan caj dikenakan untuk iTEKAD.

**14. Apakah Nisbah Perkongsian Keuntungan (NPK) untuk iTEKAD?**

Nisbah Perkongsian Keuntungan:

<u>Peringkat Pertama: NPK Bank vs Pelabur</u>

| Bank (%) | Pelabur (%) |
|---|---|
| 5 | 95 |

Peringkat Kedua: NPK Usahawan vs Bank

| Usahawan (%) | Bank (%) |
|---|---|
| 70 | 30 |

**15. Bagaimanakah kaedah pembayaran pelaburan dibuat?**

Kaedah pembayaran pelaburan dalam iTEKAD akan dibuat dengan cara mendebitkan akaun Akaun Semasa dan Akaun Simpanan (ASAS) Pelabur.

**16. Apakah kebarangkalian daripada hasil pelaburan saya terhadap iTEKAD?**

i. Pelabur berpeluang memperoleh keuntungan hasil daripada prestasi positif perniagaan usahawan berdasarkan sektor ekonomi yang telah ditetapkan.
ii. Pelabur juga berpotensi kehilangan mana-mana bahagian atau kesemua pelaburannya sekiranya berlaku kegagalan dalam usaha niaga.

**17. Adakah saya layak untuk mengeluarkan/membatalkan pelaburan saya semasa tempoh bertenang?**

Ya, Pelabur harus pergi ke mana-mana cawangan BMMB untuk tujuan pengeluaran/pembatalan pelaburan.

**18. Adakah saya dibenarkan membuat pengeluaran awal?**

Tidak. Pelabur hanya boleh mengeluarkan jumlah yang dilaburkan pada tempoh matang sahaja. Pengeluaran oleh pihak ketiga tidak dibenarkan.

**19. Adakah produk ini dilindungi oleh PIDM?**

Produk ini tidak dilindungi oleh PIDM.

**20. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut tentang iTEKAD?**

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai produk ini, sila rujuk kepada risalah produk yang boleh didapati di semua cawangan kami atau emelkan

kepada kami di itekadgroup@muamalat.com.my. Untuk maklumat lanjut mengenai produk-produk lain, sila layari laman web kami di www.muamalat.com.my.